



Menteri Pelajaran dan Inovasi Sabah, Datuk Dr. Yusof Yacob (tiga dari kanan) menyaksikan upacara serah terima tugas antara bekas Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr D Kamarudin D Mudin (kiri) dengan Prof Dr Taufiq Yap Yun Hin (dua dari kanan) di Bangunan Canselori UMS. - NSTP/Khairull Azry Bidin

## 'Tiba masanya berkhidmat di kampung halaman'



Oleh Suzianah Jiffar  
suzianah@bh.com.my

**BHO 31.7.2019**

KONGSI ARTIKEL

KOTA KINABALU: Prof Dr Taufiq Yap Yun Hin yang menggalas tanggungjawab sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) berkuat kuasa semalam, menyifatkan pelantikan itu memberi peluang kepadanya untuk berkhidmat di kampung halaman.

Berasal dari daerah ini, Taufiq, 51, yang berkhidmat di Semenanjung lebih 20 tahun, berkata Sabah adalah kampung halamannya dan kepulangannya diibaratkan sebagai balik kampung.

“Ini (Sabah) adalah kampung halaman saya... justeru ini adalah masa yang sesuai untuk saya berkhidmat di negeri ini,” katanya pada sidang media selepas majlis serah tugas di Galeri Majlis di Bangunan Canselori di sini, hari ini.

Majlis serah tugas antara bekas Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin kepada Taufiq itu disaksikan Menteri Pelajaran dan Inovasi Sabah, Datuk Dr Yusof Yacob.

Majlis itu turut dihadiri Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Datuk KY Mustafa.

Terdahulu dalam ucapannya, Taufiq yang sebelum ini adalah Profesor di Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia (UPM), berkata beliau berdepan cabaran dalam memastikan UMS terus dikenali hingga ke peringkat antarabangsa.

“Perancangan awal saya adalah untuk tingkatkan imej atau kewujudan UMS supaya bukan saja terkenal di Sabah tetapi juga terus dikenali negara luar seperti China, Filipina, Korea, Jepun dan Australia.

“Saya percaya dengan kerjasama erat semua warga UMS, usaha ini akan dapat dilaksanakan. Selain itu, UMS juga bertekad untuk melahirkan graduan yang boleh diterima di pasaran termasuk industri.

“Justeru, UMS akan bekerjasama dengan sektor industri di Sabah dan antarabangsa supaya program pengajian yang ada sesuai dengan kehendak pasaran. Sudah tiba masanya UMS menyemak kurikulum bagi memenuhi kehendak industri,” katanya.

Sementara itu Dr Yusof berkata kementeriannya akan sentiasa bekerjasama dengan UMS bagi memastikan universiti itu mampu melahirkan graduan yang boleh memenuhi pasaran pekerjaan.

Mengenai pandangan kerajaan negeri yang tidak dirujuk ketika proses pemilihan Naib Canselor UMS yang baharu, beliau berkata ia bukan lagi satu masalah.

“Kita mengalu-alukan pelantikannya sebagai Naib Canselor kerana beliau juga orang Sabah. Kerajaan Sabah mungkin ada kecil hati sikit sebelum ini, tetapi ia bukan lagi isu,” katanya.